

KAMPAR DALAM GEOLINGUISTIK DAN GEOBUDAYA MELAYU¹

(Kampar in Geolinguistics and Geoculture of Malay)

Asmah Haji Omar

hajiomasmah@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini membincangkan perkaitan linguistik, budaya dan kekeluargaan orang Kampar di Sumatera, dengan mereka yang telah menetap di Semenanjung Malaysia, di beberapa negeri seperti Pahang, Perak, Selangor dan Kedah. Bukti hubungan ini tercatat dalam sejarah Kesultanan Melaka pada abad ke-15, terutamanya ketika anak Sultan Mahmud, sultan Melaka terakhir, dilantik sebagai raja di Kampar yang ketika itu adalah sebahagian dari kesultanan Melaka. Sultan inilah, Sultan Mudzaffar, yang kemudiannya menjadi sultan Perak, dan dengan itu bermulalah dinasti kesultanan Perak sehingga hari ini. Walau bagaimanapun Kampar telah wujud dalam sejarah dunia Melayu pada abad ketujuh lagi, berdasarkan Inskripsi Siriwijaya Kedukan Bukit (682M). Kajian ini juga meneliti interpretasi frasa minanga tamvan (transkripsi Coedes) yang digunakan dalam inskripsi itu, dan juga meneliti makna frasa-frasa yang memberi konteks penggunaannya dalam usaha menjelaskan kedudukan Kampar dalam sejarah sebagaimana yang direkodkan dalam inskripsi berkenaan.

Kata kunci: Kampar, transkripsi Coedès', inskripsi Sriwijaya, *minanga tamvan*

Abstract

This article discusses the linguistic, cultural, and family relationship of the people of Kampar in Sumatera and those of Kampar origin residing in Peninsular Malaysia, in various states, such as Pahang,

Perak, Selangor, and to some extent Kedah. Clear evidence of this relationship is seen in the history of the Melaka Empire of the 15th century C.E., particularly when a son of Sultan Mahmud, the last ruler of Melaka, was installed as the ruler of Kampar, then a vassal of Melaka. It was this ruler, Sultan Mudzaffar, who went on to become the sultan of Perak and thereby started the present-day Perak ruling dynasty. However, Kampar had already existed in the history of the Malay world in the 7th century C.E., as given in readings of the Sriwijaya inscription of Kedukan Bukit (682 C.E.). Studies differ in their interpretation of the phrase minanga tamvan (following Coedès' transcription), used in the inscription. This article examines the meaning of this phrase as well as those which provide the context to its usage in an effort to explicate the position of Kampar in history as recorded in the said inscription.

Keywords: Kampar, Coedès' transcription, Srivijaya inscription, minanga tamvan

PENDAHULUAN

Sesuatu kawasan yang dianggap sebagai pusat peradaban merupakan kawasan tumpuan segala jenis aktiviti kehidupan penduduk di sekitarnya. Dari segi linguistik dan budaya, sesuatu pusat peradaban mempunyai pengaruh yang besar dalam penyebaran bahasa dan budaya yang digunakan dan diamalkan oleh komunitinya. Dengan pengaruh seperti ini, ciri-ciri bahasa dan budayanya tersebar luas ke kawasan yang ada perkaitan dengannya, dan dengan itu meluaslah kawasan geolinguistik dan geobudaya kawasan berkenaan.

Apabila kita memperkatakan Kampar sebagai pusat peradaban Melayu Tua, maka kita hendaklah menentukan sejauh mana kita hendak meninjau ke belakang. Banyak kajian telah dijalankan berkenaan dengan peradaban di pantai timur Sumatera, antaranya berpusat di kawasan Riau dan Sumatera Selatan. Dengan itu bolehlah dikatakan bahawa penyelidik yang mengkaji pengaruh Kampar dalam penyebaran bahasa dan budaya Melayu tidak bermula daripada kosong.

Satu hal yang perlu diketahui apabila kita cuba memahami kajian para penyelidik berkenaan dengan sejarah awal sesuatu suku bangsa ialah epistemologi, atau falsafah ilmu, yang melatari teori dan pendekatan yang mereka gunakan. Penyelidik prasejarah memerlukan bahan arkeologi

untuk membuat teori dan sesuatu kesimpulan. Penyelidik sejarah memerlukan bahan bertulis, dan penyelidik antropologi budaya pula perlu menyaksikan amalan budaya serta hasil amalan itu dalam komuniti yang mereka kaji. Tanpa bukti-bukti seperti yang ditetapkan oleh ilmu masing-masing, maka sukarlah bagi para pengkaji menjalankan penelitian mereka bagi aspek masyarakat yang menjadi minat mereka. Bahan-bahan yang diperlukan oleh sarjana dalam bidang yang tersebut itu berupa benda-benda yang boleh dilihat dan disentuh (yang dalam bahasa Inggeris disebut sebagai benda-benda yang *tangible*).

Sebaliknya bahasa bersifat tidak *tangible* (*intangible*), yakni tidak dapat disentuh atau dilihat (kecuali dalam bentuk tulisan). Bahasa yang sebenarnya hanya boleh didengar, dan dengan itu bersifat abstrak. Peninggalan bahasa dari zaman lampau, dalam bentuk prasasti dan manuskrip, hanya secebis sahaja daripada bukti budaya dan kehidupan masyarakat lampau yang dapat dikaji. Walau bagaimanapun dalam ilmu bahasa terdapat kaedah yang menjangkau zaman prasejarah berdasarkan bukti bahasa walaupun tidak mempunyai bukti yang *tangible*. Inilah epistemologi ilmu linguistik, khususnya linguistik sejarah.

Penulisan makalah ini berpokok pangkal pada dua tujuan, iaitu: memperoleh gambaran perkaitan orang-orang Kampar di Sumatera dengan orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan melihat sejauh mana kita dapat memahami peranan Kampar dalam sejarah alam Melayu. Untuk mencapai tujuan ini, maka perbincangan seterusnya dibahagikan kepada dua, iaitu zaman sejarah hingga sekarang, dan zaman kuno alam Melayu.

ZAMAN SEJARAH HINGGA SEKARANG

Yang dimaksudkan dengan zaman sejarah (*historical times*) adalah zaman yang terdapat cerita-cerita rakyat atau apa juga naratif yang diturunkan melalui teks bertulis atau secara lisan. Cerita ini dijadikan rujukan oleh orang-orang dari dahulu hingga sekarang sebagai gambaran tentang masyarakat dan budaya mereka, sama ada cerita tersebut berdasarkan kejadian yang boleh dibuktikan benar, atau sebaliknya. Maklumat yang seperti ini dapat membantu dalam melakarkan beberapa kesimpulan dalam perjalanan sejarah alam, budaya, dan bahasa Melayu, seperti yang akan dibincangkan di bawah subtajuk yang berikut.

Pusat Geolinguistik dan Geobudaya Melayu

Satu faktor yang penting apabila kita memperkatakan “peradaban Melayu” pada zaman sekarang ini, ialah yang dimaksudkan oleh ungkapan berkenaan ialah “peradaban Melayu Islam”. Pengertian ini sesuai dengan definisi “orang Melayu” dalam Perlembagaan Malaysia yang dengan jelas menyatakan bahawa orang Melayu ialah orang yang menganut agama Islam, mengikuti cara hidup Melayu, dan menggunakan bahasa Melayu. Oleh sebab sesuatu pusat peradaban juga merupakan pusat geolinguistik dan pusat geobudaya, maka pusat peradaban Melayu adalah juga pusat geolinguistik Melayu dan pusat geobudaya Melayu Islam.

Pusat-pusat geolinguistik Melayu terdapat di tiga kawasan utama, iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, dan Borneo/Kalimantan. Tersebarinya bahasa Melayu di seluruh Nusantara berpokok pangkal pada adanya pusat geolinguistik dan geobudaya ini. Ketiga-tiga kawasan inilah yang dinamakan kawasan teras geolinguistik Melayu (*core Malay geolinguistic areas*). (Sila rujuk Asmah, 2003 dan 2005). Kawasan ini boleh dianggap sebagai kawasan pusat atau kawasan teras bagi bahasa Melayu, disebabkan bahasa utama di kawasan berkenaan adalah bahasa Melayu (dengan variasi kawasan masing-masing), dan bukan bahasa lain yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari serta juga dalam urusan pemerintahan.

Budaya tinggi yang disampaikan melalui bahasa Melayu itulah yang merupakan faktor utama dalam penyebaran bahasa Melayu ke pulau-pulau lain di Nusantara yang dalam tradisinya mempunyai bahasa selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa komuniti, seperti pulau Jawa dan Sulawesi, serta pulau-pulau lain yang sekarang ini termasuk dalam wilayah Indonesia. Yang dimaksudkan dengan budaya tinggi adalah susun atur masyarakat dengan peraturan-peraturan yang mengawal perilaku ahli masyarakat, dengan tatatingkat sosial yang menggambarkan kewajipan dan tanggungjawab pada peringkat tertentu yang dalam istilah sekarang ialah pemerintahan dalam negeri. Peraturan dalam hubungan antara kerajaan. Adat istiadat dengan etika dan etiket yang perlu diamalkan, yang berteraskan kepercayaan keagamaan. Pemupukan intelek melalui penulisan hukum kanun dan undang-undang, serta sastera tinggi, dan juga pemupukan kemahiran dalam penulisan surat (*epistolary*). Pusat-pusat seperti yang dihuraikan itu tidak dapat wujud dan diperkembangkan tanpa adanya sistem tulisan.

Bahasa Melayu mengalami sejarah penerapan empat sistem tulisan: sistem peribumi, iaitu tulisan rencong yang terdapat di Sumatera, tulisan Pallava dari India Selatan, tulisan Jawi dari Arab, dan tulisan Rumi/Latin yang dibawa oleh kuasa Belanda ke Indonesia dan kuasa Inggeris ke Malaysia. Yang kekal di Malaysia hingga sekarang ialah tulisan Jawi dan tulisan Rumi. Bahasa Melayu mula bersemarak sebagai bahasa persuratan dengan berkat datangnya Islam yang membawa bersamanya tulisan Arab yang diterapkan oleh bijak pandai (*local genius*) Melayu kepada bahasa Melayu sehingga tulisan ini menjadi salah satu ciri utama bangsa Melayu. (Asmah, 2013). Adanya tulisan Jawi inilah yang memungkinkan kita merakamkan sejarah peradaban tinggi Melayu dalam semua genre: hukum kanun (undang-undang), budaya dan sastera tinggi, serta bahasa diplomasi yang dibuktikan dengan adanya warkah-warkah yang ditulis antara kerajaan dalam alam Melayu serta juga kerajaan alam Melayu dengan kerajaan lain (Gallop, 1994).

Penggunaan bahasa, baik dalam penulisan mahupun percakapan, boleh diletak pada peringkat-peringkat sosial atau sosiolinguistik dalam susunan bahasa yang paling tinggi kepada bahasa yang paling rendah. Tiap-tiap peringkat itu menggambarkan kehalusan dan keintelektualan bahasa atau sebaliknya, sesuai dengan situasi penggunaannya yang diwujudkan oleh “Siapa menulis kepada siapa atau bercakap dengan siapa, mengenai apa”. Bahasa Melayu merupakan bahasa perdagangan, atau *lingua franca*, di pelabuhan-pelabuhan seluruh kawasan Nusantara adalah gambaran penggunaan bahasa pada peringkat rendah. Meskipun begitu, peranan bahasa Melayu pada peringkat ini ada juga baiknya kerana memberi kesan yang sangat jelas dalam penyebarannya ke kawasan di luar kawasan inti, dan dengan itu memperluaskan lagi geolinguistik Melayu (Asmah, 2013).

Setakat ini kita dapat melihat penyebaran bahasa Melayu dalam dua peringkat utama, iaitu peringkat bahasa Melayu tinggi, dan peringkat bahasa Melayu rendah. Peringkat tinggi menghasilkan atau memperkukuhkan kawasan-kawasan teras, dan peringkat rendah menghasilkan kawasan-kawasan bukan teras, yang mempunyai kemungkinan berkembang menjadi kawasan teras.

Tradisi Merantau dan Membuka Negeri

Tradisi merantau dan membuka negeri baharu sejak zaman-berzaman, merupakan tradisi orang Melayu. Pada zaman dahulu, tradisi ini berlaku dalam alam yang kita kenal sebagai alam Melayu. (Asmah, 2005).

Dalam zaman sekarang terdapat komuniti-komuniti Melayu bukan sahaja di alam yang kita kenal sebagai alam Melayu, tetapi juga hampir semua benua di dunia, kecuali di Amerika Selatan. Komuniti-komuniti itu tidaklah besar tetapi wujud sebagai bukti bahawa orang Melayu seperti orang lain juga tidak takut atau segan merantau ke alam yang lain dari kawasan asalnya untuk tujuan tertentu, khususnya untuk mencari rezeki dan memulakan kehidupan baharu. Komuniti Melayu lambat laun diwujudkan di satu-satu kawasan asing itu, jika terdapat kelompok orang yang bercakap dalam bahasa Melayu sebagai bahasa keluarga, dan berpegang kepada tradisi budaya Melayu Islam.

Dalam kajian-kajian yang saya lakukan di Australia, termasuk Kepulauan Cocos (Keeling), dan Pulau Christmas (Asmah, 2008); Cambodia, dan Thailand (Bangkok dan Thailand Selatan), dan juga di Mekah dan Madinah (Asmah, 2014), yang paling mudah terhakis ialah bahasa, tetapi budaya dan agama tetap kuat. Dengan adanya alat komunikasi moden, seperti TV dan media sosial, maka kesedaran bahawa akar umbi mereka terletak di alam Melayu memberi rangsangan kepada mereka supaya belajar dan menguasai bahasa Melayu semula. Pengajaran bahasa Melayu kepada generasi muda dilakukan melalui pengajaran agama Islam.

Migrasi orang Melayu dalam zaman pramoden, moden, dan pascamoden adalah sekadar membentuk komuniti dalam wilayah satu-satu negara yang bahasa, budaya dan agama yang berlainan dari bahasa, budaya dan agama mereka. Misalnya, orang-orang Melayu di Australia membentuk komuniti Melayu di pantai barat dan timur benua berkenaan sebagai komuniti minoriti di tengah-tengah komuniti Inggeris-Kristian. Perkaitan antara komuniti perantau dengan komuniti tuan rumah merupakan perkaitan yang bersifat heterogenus.

Jika migrasi berlaku dalam alam Melayu sendiri, maka terdapat juga pembentukan komuniti orang-orang Melayu perantau di kawasan baharu itu. Oleh sebab komuniti perantau dan komuniti tuan rumah mempunyai bahasa, budaya dan agama yang sama, maka perkaitan antara dua komuniti berkenaan bersifat homogenus, dan dari segi bahasa boleh dikatakan bersifat dialektal. Disebabkan adanya faktor homogenus-dialektal ini,

maka komuniti perantau lebih mudah terserap ke dalam komuniti tuan rumah. Walaupun demikian, dialek asal komuniti perantau tetap bertahan sekurang-kurangnya sehingga generasi ketiga. Contoh yang paling baik yang dapat diambil sebagai sokongan kepada pendapat ini ialah komuniti orang Melayu Kampar di Langgar, Kedah, iaitu komuniti perantau yang bermula dengan kedatangan mereka pada permulaan abad ke-20. Di Langgar mereka mendirikan madrasah yang dikenal sebagai Madrasah al-Falah dengan pondok-pondok di sekeliling madrasah itu. Madrasah ini adalah di antara madrasah yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu. Za'ba (Zainal Abidin Ahmad), ahli fikir dan ahli bahasa Melayu abad ke-20, menjadikan lawatan ke pondok ini sebagai salah satu keutamaannya ketika dia melawat Kedah dan Perlis dalam tahun 1928. Katanya:

Maka pondok-pondok inilah yang penulis sangat berhajat hendak melihat dari dahulu kerana pada kebanyakan orang-orang kampung yang tiada berpelajaran di sebelah selatan dan di tengah-tengah semenanjung ini di sinilah setengah daripada tempat-tempat “pengajian” yang masyhur di Tanah Melayu bawah daripada Mekah dan Mesir - seolah-olah seperti Oxford dan Cambridge di antara orang-orang berpelajaran dalam dunia jajahan British...

(Za'ba, 2008:8)

Generasi pertama tetap mempertahankan dialek Kampar walaupun bercakap dengan orang Melayu bukan dari komuniti mereka. Berkenaan dengan generasi kedua, sebahagian besar mempertahankan dialek Kampar. Mereka yang banyak bergaul dengan orang-orang luar daripada komuniti mereka dapat menyesuaikan penggunaan bahasa dengan menggunakan dialek Kedah apabila berhubung dengan orang-orang tempatan lainnya. Ahli komuniti yang seperti ini terdiri daripada mereka yang banyak berhubung dengan orang luar komuniti, dalam menjalankan pekerjaan sebagai guru agama, peniaga kain dan makanan, tukang jahit, dan sebagainya. Apabila sampai pada generasi ketiga penggunaan dialek Kampar semakin menipis. Sebabnya terdapat pada persekolahan generasi ini bersama-sama dengan kanak-kanak lain, dan mereka ini mula menjalani proses asimilasi sepenuhnya ke dalam masyarakat Melayu Malaysia.

Perpindahan orang Melayu dari Sumatera, khususnya dari Kampar, tidaklah boleh dianggap sebagai diaspora. Istilah diaspora berasal daripada bahasa Latin, yang digunakan untuk merujuk kepada peristiwa pelarian

orang-orang Israel dalam sejarah silam dari tanah asal mereka ke seluruh pelosok dunia. Perpindahan orang Melayu dari kawasan Melayu yang lain bukanlah diaspora, dan bukanlah pelarian dari sesuatu malapetaka yang besar. Mereka sebenarnya berubah tempat dalam alam geolinguistik dan geobudaya sendiri, seolah-olah berpindah dari mukim yang satu ke mukim yang lain. Hanya dengan wujudnya negara Malaysia di satu pihak, dan negara Indonesia di pihak yang lain, terdapat undang-undang menyeberangi sempadan yang diperlukan untuk mengawal ketertiban keluar masuk antara negara, demi keamanan di kedua-dua belah pihak.

Penyeberangan Selat Melaka oleh orang-orang di sebelah-menyebelah selat ini mungkin berlaku ribuan tahun dahulu, bahkan sebelum adanya Sriwijaya dan prasasti-prasasti yang dikaitkan dengan zaman berkenaan. Ini bermakna bahawa pertalian kekeluargaan antara Kampar dengan Semenanjung Tanah Melayu sudah terjalin zaman-berzaman, dan pertalian seperti ini tidak terhad kepada rakyat biasa, tetapi juga pada peringkat takhta kerajaan. Pertabalan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, yang berlangsung pada 6 Mei 2015, seperti juga pertabalan sultan-sultan sebelum Baginda, memperlihatkan sejarah bermulanya kesultanan itu dengan kedatangan Sultan Mudzaffar Shah pada tahun 1528M dari Kampar yang ditabalkan sebagai sultan Perak pertama. Laporan dalam akhbar *New Straits Times* bertarikh 6 Disember, 2014 berbunyi seperti berikut:

... various ceremonies to mark the occasion steeped in history, dating back to 1528, would begin on May 6 with Istiadat Tabal Adat...

The tradition will end near Bagan Datoh where Sultan Nazrin will enter the waters of Beting Beras Basah, where the first Sultan of Perak Sultan Mudzaffar Shah (1528 – 1549) had set foot after his entourage crossed the Straits of Malacca from Kampar in Sumatera to reach Perak.

(New Straits Times, 6 Disember 2014, hal. 20).

Seperti yang dinyatakan dalam petikan akhbar di atas Kesultanan Perak mempunyai pertalian yang erat dengan Kampar sejak zaman silam lagi. Bahkan di Perak terdapat tempat yang bernama Kampar yang merupakan bukti bahawa kawasan itu mula dibuka oleh orang-orang Melayu yang berasal dari Kampar.

Kampar di Sumatera dalam zaman kesultanan Melaka merupakan sebahagian dari kesultanan berkenaan, dan raja-raja Kampar mempunyai pertalian kekeluargaan dengan raja-raja Melaka. Sultan Mahmud Shah, iaitu sultan Melaka yang terakhir, telah meletakkan anaknya yang bernama Raja Mudzaffar sebagai raja di Kampar. Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511, Sultan Mahmud telah lari ke Johor and Bintan, dan akhirnya ke Kampar, dan mangkat serta dikebumikan di Kampar. (A. Samad Ahmad, 1979: Bab XIV dan XV). Sebelum itu perwakilan yang terdiri daripada Orang Besar-Besar Perak telah mengunjungi Baginda di Kampar memohon supaya salah seorang putera Baginda dijadikan raja di Perak, dan Baginda memberi persetujuan supaya Raja Mudzaffar dijadikan raja di negeri itu. Hanya setelah ayahandanya mangkat dalam tahun 1528 baharulah Sultan Mudzaffar berangkat dari Kampar untuk naik takhta sebagai sebagai sultan Perak. Maka bermulalah dinasti Melaka-Kampar-Perak yang berlanjutan hingga sekarang ini. (Khoo, 2011:34–35)

Dalam sejarah Semenanjung dan Sumatera, pergerakan suku kaum Melayu berterusan berulang-alik menyeberangi Selat Melaka zaman berzaman, berkunjung-kunjungan antara ahli keluarga. Dalam zaman-zaman kemudiannya perpindahan secara menetap dari Sumatera ke Semenanjung lebih banyak daripada arus sebaliknya, iaitu dari Semenanjung ke Sumatera.

ZAMAN SEJARAH KUNO ALAM MELAYU

Sejarah awal alam Melayu boleh dikesan dari bukti bahasa yang terdapat di Sumatera Selatan dan Pulau Bangka, dengan adanya empat inskripsi pada batu bersurat, iaitu prasasti Kedukan Bukit (605Ç, 682M), Talang Tuwo (606Ç, 683M), Kota Kapur (608Ç, 684M), Kota Kapur (608Ç, 686M), dan Karang Brahi (608Ç, 686M), yang lebih dikenal sebagai Inskripsi Sriwijaya (Coedès, 2009). Adanya inskripsi-inskripsi ini menggambarkan peradaban peringkat tinggi yang sudah dicapai oleh Sumatera Timur. Inferensi atau taabiran mengenai hal ini dapat kita lakukan berdasarkan cerita dalam inskripsi-inskripsi itu dan bahasa yang digunakan. Tambahan pula peradaban ini sudah mempunyai sistem tulisan, iaitu tulisan Pallava, dibawa dari India Selatan. Adanya tulisan yang menggambarkan bahasa yang dituturkan merupakan ciri budaya tinggi.

Inskripsi Sriwijaya Kedukan Bukit

Dalam prasasti Kedukan Bukit, yang hanya terdiri daripada 10 baris itu, tidak disebut nama Kampar dengan nyata, tetapi ini boleh dikesan dari teks berkenaan, khususnya dalam baris (4) dan (5) (ditulis dengan huruf tebal):

- Baris 1: svasti Çri Çakavarsāṭīṭā 605 ekadaÇi
- Baris 2: klpaksa vulan vaiÇakha dapunta hiyaṃ nayik di
- Baris 3: samvau maṅalap siddhayātra di saptami Çuklapakṣa
- Baris 4: vulan iyestha dapunta hiyaṃ **marlapas dari minaṅa**
- Baris 5: **tamvan** mamava yaṃ vala dualaksa daṅan ko-
- Baris 6: duaratus cara di samvau daṅan jalan sarivu
- Baris 7: tluratus sapulu dua vaṅakṅa dataṃ di matajap
- Baris 8: sukhacitta di panÇami Çuklapakṣa vulan(n)
- Baris 9: laghu muditta dataṃ marvuat vanua
- Baris 10: Çrivijaya siddhayātra subhiksa ...

(Transkripsi George Coedès. Lihat G.Coedès,

Inskripsi Melayu Sriwijaya, DBP, 2009:10).

Yang menjadi bahan perdebatan antara sarjana yang membaca dan mentafsir inskripsi ini ialah ungkapan **marlapas** dari **minaṅa tamvan**. Van Ronkel (dalam artikelnya yang diterbitkan dalam *Acta Orientalia II*, 1924, hlm. 12 –21, disebut dalam Coedès 2009)) membaca **minaṅa tamvan** sebagai **minana hamvar**. Kata **minana** diberi makna “apa yang disumpah”. Jadi, **minana hamvar** merupakan nama negeri yang tidak diketahui di mana letaknya yang terkena kutukan. Menurut van Ronkel lagi, kata **minana** terbentuk dari akar **man**, yang diberi sisipan **-in-**, menghasilkan **m-in-an**, dan kemudian diberi akhiran **-a**.

Sepanjang pengetahuan saya tidak ada akar man dalam bahasa Melayu yang membawa makna “sumpah/sumpahan” atau “kutuk/kutukan”, bahkan juga tidak ada dalam bahasa yang sekeluarga dengannya. Menurut Coedès, van Ronkel membuat tafsirannya berdasarkan adanya kata **manmam** (kata reduplikasi/berganda dari **man**) dalam baris 10 prasasti Kota Kapur, yang diberi makna “sumpah”. (Lihat Coedès, 2009: 11, catatan kaki). Juga saya ragu-ragu menerima bahwa ada akhiran **-a** dalam bahasa Melayu yang sudah hilang, sebagai akhiran kata nama. Akhiran ini ada dalam bahasa Jawa, bukan sebagai akhiran kata nama, tetapi sebagai akhiran kata kerja subjungtif atau andaian.

Coedès telah membaca ungkapan yang dibahaskan ini sebagai **minaña tamvan**, tetapi dia tidak menterjemahkan ungkapan berkenaan, disebabkan tulisannya tidak begitu jelas. Kesukaran yang dihadapi oleh Coedès berpunca dari terjemahannya bagi kata **marlapas** sebagai “melepaskan diri”, dan tidak dapat dipastikan melepaskan diri dari apa.

De Casparis bersetuju dengan Coedès dalam bacaan **minaña tamvan**, tetapi dia menterjemahkan **marlapas** sebagai “berangkat”. Dalam bahasa sekarang, marlapas ialah “berlepas”. Jadi terjemahan de Casparis bagi sebahagian dari baris 4 bersambung kepada baris 5 ialah: “... berangkat dari Minanga Tamwan membawa tentera dua puluh ribu...”. (de Casparis, 1956:356). Terjemahan ini lebih masuk akal berbanding dengan terjemahan van Ronkel.

Bacaan Poerbatjaraka ialah **minanga kamwar**, dan kata **kamwar** dikaitkan dengan **kambar** (kembar) yang merujuk kepada dua sungai yang sama besarnya. Menurut beliau, kata **kambar** lama-lama berubah menjadi **Kampar**, yang merupakan nama tempat yang ada sekarang ini, dan hingga sekarang ada sungai **Kampar Kanan** dan **Kampar Kiri**. Di antara dua sungai kembar itu terdapat pusat agama Buddha Mahayana, iaitu di Muara Takus. Poerbatjaraka juga berpendapat bahawa kata **Minangkabau** berasal daripada **Minanga Kambar**, atau **Minanga Kampar**. Kata **tamvan** diterjemahkan sebagai “pertemuan”, yakni dari kata **tamu** “temu”, yang diberi akhiran **-an**. (Poerbatjaraka, 1951: 35).

Buchori, pakar epigrafi Indonesia, memberi bacaan yang lain lagi. Bagi beliau, yang merupakan nama tempat ialah **minaña**, yakni “minanga” atau “kuala”. Menurutnya, **tamvan** adalah kata yang terpisah dari **minaña** dan memulakan ayat yang baharu, dengan makna “tambahan”. Terjemahannya bagi ungkapan yang diperkatakan ini ialah: “... berangkat dari Minanga. Tambahan ia membawa tentera dua laksa...”. Bagi Buchari, tempat yang dirujuk sebagai **Minanga** itu ialah Batang Kuantan di hulu Sungai

Indragiri, Riau Daratan. (Lihat Slamet Muljana, 1981: 60 – 61).

Slamet Muljana bersetuju dengan bacaan Buchari seperti yang dinyatakan di atas. Dengan latar belakang linguistiknya, dia melihat bunyi v dalam **tamvan** sebagai kesejajaran dengan b. Katanya:

Menurut penglihatan saya tamva(n) ialah kata biasa, sama dengan kata Melayu tambah. Bunyi v/w dalam bahasa Melayu kuna sama dengan bunyi b dalam bahasa Melayu, seperti vulan = bulan, vanyak = banyak, serivu = seribu dan sebagainya. Tambahan h pada kata Melayu tambah sama dengan tambahan h pada kata vunu = bunuh, sepulu = sepuluh dan sebagainya.

(Slamet Muljana, 1981:73).

Beliau tidak dapat menerima tafsiran Poerbatjaraka yang mengaitkan **tamvan** dengan kata akar **tamu**, yang bermakna “temu”, disebabkan dalam prasasti Talang Tuwo (683M) terdapat kata **tmu**. (1981:72). Maksudnya, jika kata berkenaan membawa makna “pertemuan”, maka bunyinya bukanlah **tamvan**, tetapi **t(e)muvan**.

Perbincangan: Dengan membandingkan transliterasi (ke dalam huruf Rumi) yang dilakukan oleh berbagai-bagai pakar itu, maka saya cenderung menerima transliterasi Poerbatjaraka **minaña kamvar**, yang boleh ditafsirkan sebagai “kuala dua sungai, kuala sungai kembar”. Kata **nanga** sebagai kata akar bagi **minanga** memang merupakan kata asli Melayu yang bermakna “kuala”, dan kata ini masih digunakan dalam bahasa-bahasa di Sarawak, antaranya bahasa Iban.

Saya bersetuju dengan pendapat Poerbatjaraka bahawa kata akar dalam **tamvan** adalah **tamu**. Kata ini bukan hanya terdapat dalam bahasa Melayu Kuno, seperti yang dijelaskan oleh Poerbatjaraka, tetapi juga masih segar digunakan dalam dialek-dialek Melayu tertentu yang tidak mempunyai bunyi e-pepet, antaranya bahasa Melayu Brunei. Dalam dialek ini, e-pepet dalam kata-kata dalam bahasa Melayu Semenanjung menjadi **a**, seperti **temu – tamu, besar – basar, lepas – lapas**. Bahkan dalam prasasti Kedukan Bukit pun terdapat penggunaan **a** dalam perkataan-perkataan yang dalam bahasa Melayu sekarang menggunakan e-pepet. Misalnya: **dangan (dañan) – dangan, sapulu – sepuluh, marvuat – berbuat, vanua – benua**.

Hujah Slamet Muljana bahawa adanya **tmu** dalam inskripsi Talang Tuwo (TT) menunjukkan bahawa kata **tamvan** dalam inskripsi Kedukan

Bukit (KB) tidak mungkin mempunyai akar **tamu** seperti yang disarankan oleh Poerbatjaraka. Bagi saya perbezaan ini mungkin terbit dari cara mengeja kata dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Pallava yang tidak mempunyai lambang untuk e-pepet. Di samping perbezaan **tamu** (KB) – **tmu** (TT), terdapat contoh lain yang menunjukkan perbezaan ejaan dalam inskripsi KB dengan TT. Mislanya: **dañan** (KB) - **dñan** (TT).

Mungkin kata **kampar** yang ditafsirkan oleh Poerbatjaraka itu sudah pun ada ketika prasasti itu ditulis, sebagai perkembangan dari **kambar** (kembar). Jika demikian halnya, maka kata Minangkabau itu berevolusi dari **minanga kamar**. Kita dapat menerangkan perubahan **kambar** menjadi **kabau** dengan melihat perubahan dan kesejajaran bunyi dalam dialek-dialek Melayu. Perubahan-perubahan itu adalah seperti berikut:

- (1) Hilangnya bunyi sengau **m** dalam **kambar**, menjadi ***kabar**:
kambar > ***kabar**
- (2) **-ar#** berubah menjadi **-au#**: ***kabar** > **kabau**

Penghilangan bunyi sengau dalam rangkap seperti **mb**, **mp**; **nd**, **nt**; **ngg**, **ngk** merupakan gejala yang terdapat dalam dialek Melayu. Berhubung dengan ini, saya cenderung mengatakan bahawa **Kapar**, nama tempat di Selangor, juga berasal dari **Kampar**. Ini sesuai dengan nama-nama tempat di sekitar kawasan berkenaan yang mempunyai persamaan dengan nama-nama tempat di pantai Sumatera Timur.

Perubahan **-ar#** menjadi **-au#** terdapat dalam dialek Melaka, bahkan merupakan ciri khusus dialek berkenaan. Misalnya: **hawar** > **hawau**, **besar** > **besaw**.

Juga, saya tidak dapat terima bacaan Buchori yang disetujui oleh Slamet Muljana bahawa kata yang dibaca oleh Coedès dan de Casparis sebagai **tamvan** itu seharusnya **tambahan**. Dengan cadangan mereka itu, maka ayat sebelumnya tamat selepas **minaña**, dan ayat yang lain bermula dengan kata **Tambahan**. Lihat terjemahan Slamet Muljana seperti di bawah ini:

Baris 3: Pada hari ketujuh bulan terang

Baris 4: Bulan Jyestha Dapunta Hyang berangkat dari **Minanga**.

Baris 5: Tambahan beliau membawa tentara dua laksa

(Slamet Muljana, 1981:74)

Kata tambahan seperti yang digunakan dalam baris 5 berfungsi sebagai kata wacana (*discourse word*) yang menegaskan adanya maklumat tambahan yang menokok tambah kepada maklumat yang sedia ada, yang dinyatakan sebelumnya. Jika demikianlah halnya, maka maklumat dalam ayat pertama dengan ayat yang berikutnya hendaklah dari domain pemikiran yang sama. Kata wacana seperti ini boleh disamakan dengan “tambahan pula”, “tambahan lagi”, “lagi pula” “dan lagi”, dan yang serupa itu dalam bahasa sekarang. Jika kita baca dengan teliti baris 4 dan baris 5, maka jelaslah bahawa penggunaan kata tambahan pada baris 5 itu tidak sesuai dengan jalan fikiran dalam wacana. Berdasarkan tafsiran Buchori dan Slamet Muljana, maklumat pada baris 4 hanya menyatakan bahawa raja “berangkat dari Minanga”. Maklumat yang berikutnya ialah dia membawa dua laksa bala tentera. Dengan itu, kata **tambahan** tidak diperlukan.

Untuk menunjukkan fungsi kata tambahan dalam wacana Melayu, marilah kita baca baris 5 (tanpa tambahan), diikuti dengan baris 6 (dengan menyisipkan tambahan di dalamnya), diikuti dengan baris 7. Dengan menempatkan tambahan pada baris 6, barulah kita dapat mewujudkan dua domain fikiran yang sama, iaitu maklumat kedua memberi tokok tambah kepada maklumat pertama dari segi jumlah pengikut yang dibawa oleh raja.

Baris 5 ... beliau membawa tentara dua laksa

Baris 6: Dua ratus koli di perahu; tambahan yang berjalan darat seribu

Baris 7: Tiga ratus dua belas banyaknya; ...

Satu lagi sebab mengapa saya tidak dapat menerima bacaan kata **tambahan** seperti yang dicadangkan oleh Buchori dan Slamet Muljana, terletak pada hakikat bahawa gaya bahasa yang menggunakan **tambahan pula** atau **tambahan lagi** baru muncul dalam abad ke-20, di Malaysia kira-kira selepas tahun 1957 (tarikh pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan di Malaya) apabila bahasa Melayu mulai digunakan dengan rancaknya dalam bidang pentadbiran. Sebenarnya kata wacana berkenaan merupakan terjemahan daripada bahasa Inggeris *in addition*, *moreover* dan *furthermore*. Dalam bahasa hikayat, hukum kanun, dan kitab agama, ungkapan yang seperti ini belum muncul sebelum pertengahan abad

ke-20. Konsep yang dibawanya memang ada, tetapi dengan menggunakan kata wacana “dan lagi”.

Sungguhpun perkataan Kampar tidak muncul dengan bacaan **minaña tamvan**, tetapi lokasi yang digambarkannya itu sudah cukup untuk memberi maklumat bahawa di situlah letaknya Kampar atau kawasan Kampar. Prasasti ini menceritakan pelayaran dengan sampan (samvau), tentunya sampan yang lebih besar daripada perahu kolek, dan dalam keadaan itu lokasi bermulanya pelayaran raja dengan 21 512 pengikutnya penting dirakamkan.

Menurut cerita yang terdapat dalam inskripsi berkenaan, pelayaran raja dengan pengikut atau rakyatnya dari **minanga tamwan**, atau **minanga kamwar** adalah untuk **marvuat vanua Çrivijaya**. Kata **vanua** sama (atau berkognat) dengan benua dalam bahasa Melayu, dan **menua** dalam bahasa Iban, yang bermakna “tempat”, bukan kota atau benteng, yang ditafsirkan oleh para pakar. Dalam bahasa Melayu sekarang, terdapat sedikit perubahan pada makna kata benua, kerana maknanya diperluaskan untuk merujuk kepada tanah daratan yang besar, yakni lebih besar daripada semenanjung.

Berkenaan dengan orang-orang yang dibawa oleh raja dalam pelayaran itu, semua para pakar yang namanya disebut di atas mengatakan bahawa orang-orang itu adalah tentera. Walau bagaimanapun tidak ada pun perkataan yang bermakna “tentera” dalam inskripsi Kedukan Bukit, atau juga Talang Tuwo dan Kota Kapur. Para sarjana berkenaan tersasul dengan perkataan **vala**. Dalam senarai kata yang diberi oleh Coedès (2009: 83), kata ini disamakan dengan bala dan diberi makna “tentera”. Ketersasulan ini disebabkan gandingan kata **bala** dengan **tentera** dalam bahasa Melayu abad-abad kemudian hingga sekarang ini, dalam kata majmuk **balatentera**. Memang **bala** adalah kata Melayu, tetapi maknanya bukan “tentera”. Fungsi kata ini ialah sebagai penanda jamak (*plural marker*) bagi manusia. Jadi **balatentera** bermakna “tentera yang banyak jumlahnya”. Kata **bala** sebagai penanda jamak sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu, tetapi masih produktif dalam bahasa Iban, misalnya dalam ungkapan bala **anembiak** “ramai kanak-kanak”, **bala polis** “ramai polis”, **bala pengabang** “ramai pelawat/tetamu”, dsb.

Berbalik kepada nama Kampar dalam Inskripsi Kedukan Bukit, jelas kehadirannya pada permulaan baris 5 (Trankripsi Coedès), apabila kata **tamvan** digantikan dengan **kamwar** seperti yang dicadangkan oleh Poerbatjaraka. Jadi, perjalanan raja dari **minanga kamwar** (kuala

kembar) adalah bersama dengan rakyatnya yang begitu banyak (mungkin ada tentera dalam kumpulan berkenaan) untuk membuka negeri baharu, iaitu Sriwijaya, bukan untuk mengadakan serangan. Maklumat “membuka negeri” ini disokong lagi dengan cerita dalam inskripsi Talang Tuwo dan Kota Kapur, yang betul-betul memperkatakan hal membuka negeri, seperti mendirikan kampung, bercucuk tanam, berternak, dan mewujudkan peraturan-peraturan ketertiban masyarakat.

TRADISI LISAN IBAN

Dalam bahasa Iban Sarawak terdapat ungkapan urang Kampar yang bermakna “orang asing”, yakni orang dari luar komuniti Iban. Saya menemui ungkapan ini ketika mula menjalankan penyelidikan dan sekali gus belajar bahasa berkenaan dalam tahun 1964 – 1965 di Mapai, Kanowit, Sibu dan Simanggang (sekarang Sri Aman) di Sarawak. Kata kampar menarik perhatian saya. Dengan menggunakan kaedah linguistik untuk menentukan konteks-konteks penggunaannya, dapatlah disahkan bahawa kata kampar hanya digunakan dalam ungkapan urang kampar dengan makna “orang luar” atau “orang asing”.

Di Kuching saya bertanya kepada Benedict Sandin, seorang tokoh sejarah dan tradisi lisan Iban, tentang asal usul orang Iban. Menurut beliau, orang Iban berasal dari Sumatera, sekitar Minangkabau. Mereka telah berhijrah ke Borneo dengan menyeberangi Selat Melaka, terus ke Pontianak. Dari situ secara beransur-ansur mereka berpindah ke Sarawak. Sebabnya mereka keluar dari Sumatera ialah mereka tidak mahu menerima agama Islam.

Hakikat bahawa orang Iban pernah bermastautin di kawasan dekat dengan Minangkabau dapat saya buktikan dari unsur-unsur bahasa. Banyak juga persamaannya dengan bahasa Minang dan dialek Kampar yang pernah saya dengar, baik dari segi bunyi mahupun dari segi perkataan tertentu. Bahkan sebelum saya masuk ke pedalaman Sarawak untuk menjalankan penyelidikan itu, saya telah diberitahu oleh Anthony Richards, British Resident terakhir di Sarawak, dan penyusun kamus *Iban-English Dictionary* (OUP 1981), bahawa saya akan dapat melihat betapa banyaknya persamaan bahasa Iban dengan bahasa-bahasa di Sumatera. Dengan maklumat yang seperti itu, maka saya membuat hipotesis berikut: Pertama, asal usul orang Iban adalah dari kawasan Melayu Sumatera Timur. Kedua, kawasan kediaman mereka berdekatan dengan kawasan

yang didiami oleh orang Melayu Kampar, dan tidak begitu jauh dari laut. Ketiga, apabila Islam datang dan diterima oleh orang Melayu Kampar, komuniti Iban yang tidak mahu menerima agama ini keluar dari Sumatera ke Borneo.

Daripada hipotesis yang berasaskan ungkapan urang Kampar dan tradisi lisan Iban, boleh dikatakan bahawa nama Kampar sebagai nama tempat dan nama komuniti, sudah wujud lama sebelum datangnya Islam. Jika Islam sudah sampai di kawasan Selat Melaka pada abad ke-10, maka Kampar sudah wujud lama sebelum tarikh itu.

KESIMPULAN

Kampar sebagai nama kawasan bahasa dan budaya Melayu mempunyai sejarah yang boleh disusur ke abad-abad yang jauh lebih awal daripada abad ketujuh Masihi. Jika bukti Inskripsi Kedukan Bukit diterima, dapat dikatakan bahawa pada abad ketujuh di Kampar sudah ada komuniti yang mempunyai peradaban yang tinggi, seperti yang dihuraikan pada awal makalah ini. Amalan membuka negeri baharu sudah ada sejak abad ke-7, dan penghijrahan orang Kampar ke Semenanjung adalah membuka kawasan-kawasan baharu di dalam negeri-negeri yang sudah sedia ada.

NOTA

- 1 Makalah ini dalam bentuk asalnya merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar International Kampar Sebagai Pusat Peradaban Melayu Tua Nusantara, di Bangkinang, Riau, Sumatera, 23 – 24 Disember 2014, yang dikelolakan oleh Pemerintah Propinsi Riau dengan kerjasama Persatuan Anak-Anak Kampar Malaysia.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad, 1979. *Sulatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2003. "Geolinguistics and the Diffusion of Malay" dlm. Asmah Haji Omar (ed.). *The Genius of Malay Civilisation*. Tanjong Malim: Institute of Malay Civilisation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Asmah Haji Omar, 2005. *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Bahasa Melayu di Samudera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2013. *Sejarah Ringkas Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Asmah Haji Omar, "Language Use in the Malay Community of Mecca" dlm. *International Journal of Humanities, Social Sciences and Education* 1:9, hlm. 22 – 32, September 2014.
- Coedès, George, 2009. *Inskripsi Melayu Sriwijaya*. Diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dari teks asal bahasa Perancis oleh Laurent Metzger, dan diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- De Casparis, J.G., 1956. *Prasasti Indonesia II*. Dinas Purbakala Republik Indonesia. Bandung: Masa Baru.
- Gallop, Annabel Teh, 1994. *The Legacy of the Malay Letter: Warisan Warkah Melayu*. London: Published by the British Library for the National Archives of Malaysia.
- Khoo Kay Kim, 2011. "Origins of the Perak Royal House" dlm. *The Rulers of Malaysia. The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet Sdn. Bhd.
- New Straits Times*, hlm. 20, 6 Disember 2014.
- Poerbatjaraka, 1951. *Riwayat Indonesia I*. Djakarta: Jajasan Pembangunan
- Slamet Muljana, 1981. *Kuntala, Sriwijaya, dan Suwarnabhumi*. Jakarta: Yayasan Indayu.
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 2008. *Perjalanan ke Kedah, Perlis dan Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.